

**Merayakan hari Safar dengan mandi manda di laut dan rumah, benarkah termasuk dalam suruhan agama?**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين، ونصلي ونسلم على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وأصحابه أجمعين.

Alhamdulillah, mandi manda dalam bulan Safar samada di rumah atau di pantai TIADA hubungannya dengan ajaran agama Islam. Jauh dari disuruh! Orang-orang Islam wajib meninggalkan amalan ini kerana ajaran ini bukan sahaja tiada terdapat dalam ajaran Islam yang suci bahkan ianya bercanggah dengan syarak.

Dalam qadhiyah ini Rasulullah SAW menthaudihkan melalui sabdanya:

لا عدوي ولا طيرة ولا هامة ولا صفر. (متفق عليه)

**Maksudnya:**

*“Tidak ada jangkitan penyakit (melainkan dengan izin Allah SWT) dan tidak ada kesialan pada mana-mana burung dan burung hantu, dan juga pada bulan Safar”*

Wadhihlah disini bahawa perbuatan/amalan mandi pada bulan safar itu tiada dalam suruhan Islam dan sebagai umat Islam wajiblah menjauhi daripada perkara-perkara yang khurafat yang boleh mendatangkan dosa.

Mandi Safar ini adalah *bid'ah* yang tidak perlu diamalkan.

Demikianlah.

والله تبارك وتعالى أعلم

Disediakan oleh:

PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH  
KOTA KINABALU  
18.4.2001